

09 FEB 1997

Hari Raya

RAKYAT MALAYSIA MENYAMBUT 1 SYAWAL DENGAN PENUH BERMAKNA

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- 1 Syawal yang ditunggu-tunggu akhirnya telah tiba membawa bersama anggota keluarga, sanak saudara dan sahabat handai menyambut Hari Raya dalam suasana perayaan yang meriah dan penuh berwarna warni.

Bermula awal pagi lagi, umat Islam daripada pelbagai lapisan masyarakat menuju ke masjid-masjid di seluruh negara untuk menunaikan solat sunat Aidil Fitri. Bahang perayaan Tahun Baru Cina dua hari lepas masih boleh dirasai dan Hari Lebaran yang disambut hari ini menambahkan lagi kemeriahan suasana perayaan.

Pelbagai juadah tradisional Melayu seperti lemang, rendang, kuih bahulu dan banyak lagi menjadi hidangan bukan sahaja kepada mereka yang meraikannya tetapi juga kepada tetamu di rumah-rumah terbuka.

Setelah menunaikan ibadat puasa di bulan Ramadan dan membuat pelbagai persiapan untuk meraikan hari yang mulia itu termasuk balik ke kampung halaman masing-masing, kaum Muslimin memulakan Hari Raya dengan saling memohon ampun dan maaf sesama mereka.

Boleh dikatakan keseluruhan masyarakat Malaysia kini masih dalam suasana perayaan berganda dan menyambung sambutan mereka dengan Aidil Fitri hari ini dengan mengunjungi rumah-rumah terbuka rakan-rakan mereka yang beragama Islam di seluruh negara. Mereka yang beragama Islam termasuk pemimpin-pemimpin kerajaan dan orang-orang kenamaan mengadakan rumah terbuka di seluruh negara.

Di ibu negara, Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agung Tuanku Najihah dengan diiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menunaikan solat Aidil Fitri di Masjid Negara bersama rakyat.

Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali sebelum itu mengadap Seri Paduka berdua di Istana Negara pada pukul 8.15 pagi.

Tuanku Ja'afar dan Tuanku Najihah juga menerima mengadap Jemaah Menteri, Duta-duta dan tetamu kehormat di Istana Negara.

Turut bersembahyang di Masjid Negara ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berserta isteri dan orang-orang kenamaan.

Seri Paduka kemudian meraikan pembesar dan orang kenamaan termasuk perwakilan di majlis rumah terbuka di Istana Negara mulai pukul 10.30 pagi.

Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad turut mengadakan rumah terbuka di kediamannya di Sri Perdana mulai pukul 10 pagi dan lebih 5,000 orang mengambil kesempatan mengucapkan "Selamat Hari Raya" kepada beliau dan isteri.

Antara tetamu kenamaan ialah Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu dan Presiden parti Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pula mengadakan rumah terbuka di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) mulai 2 petang.

Sementara itu, di PERAK, Sultan Perak Sultan Azlan Shah turut menunaikan sembahyang solat sunat Aidil Fitri di Masjid Ubudiah di Kuala Kangsar di sini bersama pemimpin-pemimpin negeri termasuk Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib.

Raja Perempuan Perak Tuanku Bainun bersama isteri-isteri pegawai kerajaan negeri dan orang-orang kenamaan dan orang ramai menunaikan sembahyang sunat itu di Istana Iskandariah yang berhampiran dengan masjid itu.

Sementara itu, Menteri Besar Perak pula mengadakan rumah terbuka di

kediamannya di Ipoh mulai pukul 11 pagi. Turut berangkat ke rumah terbuka itu pada petang ini ialah Sultan Perak dan Tuanku Bainun.

Di JOHOR BAHARU, Sultan Johor menunaikan sembahyang sunat Hari Raya di Masjid Sultan Abu Bakar. Turut berangkat ialah Tunku Mahkota dan Tunku Bendahara.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman, Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Ali Hassan, Exco Kanan Kerajaan Negeri Datuk Zainalabidin Mohamad Zin serta para pegawai kanan kerajaan hadir sama.

Rumah terbuka Abdul Ghani pula diadakan di kediaman rasminya, Saujana, dari 10 pagi hingga 1 tengah hari ini.

Di KUCHING, ketibaan Syawal disambut meriah di sini dengan laungan takbir di setiap surau dan masjid di sini.

Yang Dipertua Negeri Sarawak Tun Ahmad Zaidi Adruce menunaikan sembahyang sunat Aidil Fitri di Masjid India bersama dengan beberapa orang kenamaan yang lain.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Mustapha, Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud dan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud adalah antara orang-orang kenamaan yang mengadakan rumah terbuka pada Hari Raya pertama ini.

Di KOTA BAHARU, Sultan Kelantan hari ini menunaikan solat sunat Aidil Fitri di Masjid Muhammadi di sini bersama 3,000 orang lagi.

Turut serta ialah Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamad, anggota EXCO kerajaan negeri dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan.

Manakala Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menunaikan solat itu di Masjid Pulau Melaka iaitu berhampiran rumahnya bersama kira-kira 2,000 umat Islam.

Selesai menunaikan solat itu, Sultan Kelantan berkenan bersalaman dengan rakyat.

Sultan kemudian mengadakan Istana terbuka kepada rakyat sebaik sahaja selesai solat sunat itu di Istana Negeri yang terletak berhampiran dengan Masjid Muhammadi.

Nik Aziz hari ini mengadakan rumah terbuka di kediamannya di Pulau Melaka antara pukul 10 pagi dan 6 petang.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa mengadakan rumah terbuka di kediamannya di Bukit Marak, Bachok dekat sini antara 10 pagi dan 5 petang pada hari raya kedua.

Di KUALA TERENGGANU, Sultan Terengganu menunaikan solat sunat Hari Raya bersama kira-kira 2,000 orang umat Islam di Masjid Abidin.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Yang Dipertuan Muda Terengganu dan para pembesar negeri juga turut bersembahyang di masjid itu.

Baginda Sultan kemudian berangkat menziarahi makam diraja di perkarangan masjid dan mengadakan istana terbuka di Istana Maziah selepas itu.

Wan Mokhtar juga mengadakan rumah terbuka di Sri Iman di sini.

Sementara itu, sambutan Aidil Fitri di sini agak meriah dengan keadaan cuaca baik dan cerah.

Di ALOR SETAR, Sultan dan Sultanah serta Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid bersama lebih 2,000 umat Islam menunaikan solat sunat Aidil Fitri di Masjid Zahir.

Selesai bersolat, Baginda berdua bersalam-salaman dengan hadirin.

Sanusi dan isteri Datin Seri Nila Inangda Manyam Kuemala akan mengadakan rumah terbuka mulai 11 pagi hingga 3 petang ini di kediaman rasmi Menteri Besar di Mentalon.

Di SHAH ALAM, Raja Muda Selangor menunaikan solat Aidil Fitri di Masjid Negeri dengan beribu-ribu umat Islam.

Menteri Besar, Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib dan beberapa orang

anggota Exco Kerajaan Negeri turut menunaikan sembayang hari raya di masjid yang sama.

Raja Muda mengadakan rumah terbuka di Istana Mastika di sini dari pukul 11 pagi hingga pukul 4 petang manakala rumah terbuka Muhammad di kediaman rasminya di Bukit Megawati ialah dari pukul 10 pagi hingga 6 petang.

Di SERI MENANTI, Pemangku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tunku Naqyuddin Tuanku Jaafar dan Tunku Puan Muda Nurul Hayati menunaikan solat Aidil Fitri di Masjid Tuanku Munawir bersama 1,000 orang.

Sesudah solat baginda menziarahi makam diraja dan mengadakan majlis tahlil di ketuai oleh Mufti Kerajaan Negeri Sembilan Datuk Sheikh Murtaza Haji Ahmad.

Kemudian baginda berdua berkenan mengadakan istana terbuka dari pukul 10.30 hingga 12.45 tengah hari khas untuk kerabat diraja serta rakyat jelata sekitar Seri Menanti dan Kuala Pilah. Istana terbuka untuk orang kenamaan dan pegawai kerajaan akan diadakan dari pukul 4.30 petang hingga 6.30 petang.

Menteri Besar Tan Sri Mohamad Isa Abdul Samad mengadakan rumah terbuka di kediamannya No 4 Taman Tasik Seremban dari 10 pagi hingga 1 tengah hari dan pada hari raya ketiga di Kampung Baru Si Rusa Port Dickson dari 10 pagi hingga 1 tengah hari.

Di KOTA KINABALU, Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai menyertai lebih 2,000 umat Islam untuk menunaikan solat Aidil Fitri di Masjid Negeri di sini.

Sakaran dan isteri Toh Puan Hajah Rukaiyah Datuk Panglima Abdullah kemudian mengadakan "istana terbuka" di Istana Negeri di sini yang dikunjungi Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee, Menteri-menteri Kabinet negeri dan Persekutuan, ketua-ketua jabatan persekutuan dan negeri.

Selain rumah terbuka oleh pemimpin-pemimpin negeri, majlis serupa turut diadakan oleh Badan Perhubungan Umno Negeri di Dewan Lembaga Letrik Sabah di sini.

Di PULAU PINANG, Yang Dipertua Negeri Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir serta beberapa orang kenamaan dan menteri menunaikan sembahyang sunat Aidil Fitri di Masjid Negeri manakala Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi bersembahyang di Masjid Ahmad Badawi di Kepala Batas.

Selain itu, beberapa orang kenamaan turut mengadakan rumah terbuka, antaranya Abdullah di Kepala Batas, Timbalan Ketua Menteri Datuk Mohd Shariff Omar di 2536, Mukim 12 Pokok Machang, Tasik Gelugor dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Ibrahim Saad di 759, Bt 10, Jln Tanah Liat, Bukit Mertajam.

Di ARAU, Raja dan Raja Perempuan Perlis hari ini menyertai ribuan umat Islam menunaikan sembahyang sunat Aidil Fitri di Masjid Negeri di sini diiringi Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Abdul Latib Omar.

Raja dan Raja Perempuan Perlis kemudiannya berkenan menerima menghadap para pembesar dan rakyat jelata pada majlis Istana Terbuka di Istana Arau mulai pukul 10 pagi.

Sementara itu, Menteri Besar Perlis turut mengadakan rumah terbuka di kediaman rasminya di Jalan Kolam, Kangar mulai pukul 10 pagi.

Turut mengadakan rumah terbuka ialah Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Azmi Khalid di Pusat Khidmat Wakil Rakyat kawasan parlimen Padang Besar di Jalan Kaki Bukit serta Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali di rumah keluarganya di Tambun Tulang.

Di MELAKA, Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabudin Al-Haj bersolat Aidil Fitri bersama-sama lebih 10,000 umat Islam di Masjid Negeri Al Azim di sini. Yang turut hadir ialah Ketua Menteri Datuk Seri Haji Mohd Zin Abdul Ghani.

Di kediaman rasmi Ketua Menteri "Seri Bendahara" di Bukit Peringgit pula, rumah terbuka Zin dihadiri lebih 5,000 pengunjung berbilang kaum yang mengambil kesempatan cuti panjang untuk menikmati pelbagai juadah yang disediakan.

Di PEKAN, Sultan dan Sultanah Pahang berangkat menunaikan sembahyang sunat Hari Raya di Masjid Sultan Ahmad di sini. Turut sama bersembahyang di situ ialah Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob.

Tengku Mahkota Pahang pula menunaikan sembahyang raya di Masjid Sultan Ahmad 1 Kuantan. Sultan dan Sultanah Pahang kemudian berangkat ke Makam Diraja Pekan untuk majlis tahlil.

Baginda berdua kemudian menerima kunjungan orang ramai pada majlis istana terbuka yang diadakan dari pukul 10.30 pagi hingga 1 tengah hari.

Khalil pula mengadakan rumah terbuka di kediaman rasminya di Telok Sisek, Kuantan dari pukul 10 pagi hingga 4 petang, manakala Timbalan Menteri Besar Datuk Hasan Arifin mengadakan rumah terbuka di kediamannya di Medan Tok Sira, Kuantan dari pukul 1 tengah hari hingga 5 petang. --

BERNAMA

AZ PR